

Menjanjikan syurga rasuah; Mahathir

31 JUN 1994

KUALA LUMPUR, Ahad — Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata parti pembangkang yang menjanjikan syurga dan menjual ayat al-Quran kepada penyokong mereka, harus mencontohi Umno mengadakan satu peraturan khusus bagi membanteras politik wang, rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

"Menjanjikan syurga jika parti disokong juga adalah satu jenis rasuah. Ia lebih murah dan mudah dibuat bagi mereka yang tidak takutkan Tuhan, tetapi lebih berkesan di kalangan orang yang kuat pegangan agama.

"Justeru itu, mereka jangan sombong kerana kononnya mereka bersih. Najis rasuah terpalit juga di muka mereka, bahkan lebih dahsyat lagi kerana yang disogok adalah agama. Dengan ini bukan saja mereka kotor, agama juga dikotorkan.

"Parti lawan patut mengadakan mesyuarat khas untuk membentuk undang-undang mencegah semua jenis rasuah - ra-

suah agama dan kebendaaan. Janganlah parti lawan ghairah mempermainkan Umno kerana usahanya untuk menghapuskan politik wang," katanya di Perhimpunan Agung Khas Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, masalah Umno hanyalah politik wang, tetapi masalah parti lawan termasuklah penyalahgunaan ayat al-Quran dan syurga untuk kepentingan diri dan parti.

"Mereka patut mengaku kesalahan dan jenayah yang berlaku dalam parti mereka dan bertindak menghapuskannya.

"Inilah cara Islam. Mereka tidak harus menepuk belakang diri sendiri, mengucapkan tahniah kepada diri sendiri kerana beranggapan mereka lebih baik daripada Umno. Sebenarnya mereka adalah lebih kotor," katanya.

Seramai 1,761 perwakilan Umno menghadiri Perhimpunan Agung Khas ini untuk membincang gejala politik wang

dan penyalahgunaan kuasa yang banyak diperkatakan pada Perhimpunan Agung Umno, November lalu.

Dr Mahathir berkata, parti lawan yang menyerang Umno kerana membincangkan isu politik wang tidak boleh berbangga dengan kepercayaan mereka bersih kerana ramai daripada mereka yang terbabit dalam rasuah.

"Sudah tentu kumpulan serpihan Umno, yang sekarang berada di luar parti, bertanggungjawab terhadap perkembangan politik wang dalam Umno. Mereka boleh bersumpah tetapi kita tahu mereka menggunakan banyak wang pada 1987 untuk membeli undi," katanya.

Menurut Dr Mahathir, kumpulan inilah yang menyogok, menjanjikan jawatan Menteri Kabinet, memberi hadiah dan membiayai lawatan, malah seorang daripada mereka mengatakan "Dua puluh juta terlalu murah untuk menjadi Perdana Menteri".